

Aktif jual dadah di kawasan setinggan

5 Mac 2018

Aktif jual dadah di kawasan setinggan

Kuala Lumpur: Selain bekerja sebagai pembantu kedai menjual buah, seorang penagih 'senior' turut dikesan aktif menjual dadah di sekitar kawasan setinggan di Desa Pandan di sini.

Bagaimanapun lelaki berusia 52 tahun itu ditahan polis menerusi Ops Tapis di kawasan setinggan berhampiran Kampung Pandan di sini, kira-kira jam 12.20 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Mohamad Roy Suhaimi Sarif, berkata hasil pemeriksaan ke atas suspek menemui satu beg kecil mengandungi 27 tiub straw serta lima peket plastik berisi serbuk dan ketulan dadah jenis heroin.

"Semua dadah yang dirampas dianggarkan seberat 18.48 gram dengan nilai pasaran RM520.

"Ujian saringan air kencing ke atas suspek mendapati dia positif heroin. Suspek turut

TIUB straw dan peket plastik dipercayai berisi dadah jenis heroin yang dirampas.



mengaku sudah terbabit dengan penagihan dadah selama 20 tahun," katanya semalam.

Katanya, semakan turut mendapati suspek yang be-

kerja sebagai pembantu kedai menjual buah itu masih bujang itu mempunyai dua rekod lampau mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah 1984.